



TALAQI AL-QURAN BERSANAD: SATU TINJAUAN DI PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN

TALAQI AL-QURAN WITH CHAIN: AN OBSERVATION AT QURANIC CENTER STUDIES

Mohd Hasbie al-Shiddieque Bin Ahmad¹, Khairul Anuar Bin Mohammad², Samer Najeh Abdullah Samarh³

¹ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, alshiddieque@kuis.edu.my

² Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, khairul@usim.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, samernaieh@usim.edu.my

Abstrak

Pengajian sanad sering kali dikaitkan dengan ilmu hadis yang merangkumi ilmu riwayat dan dirayah. Secara khususnya, pengajian sanad memfokuskan kepada ilmu dirayah bagi menentukan kedudukan hadis yang dibawa oleh perawi hadis. Di samping itu, pengajian al-Quran juga mempunyai kesinambungan salasilah sanad terus kepada Nabi Muhammad SAW. Walaupun diketahui antara syarat penerimaan bacaan al-Quran adalah bacaan yang mutawatir sahaja. Namun, masih terdapat kepentingan sanad dalam pembelajaran al-Quran. Kajian ini merupakan satu kajian awal dalam mengenalpasti kesedaran masyarakat terhadap pengajian talaqqi al-Quran secara bersanad. Kajian ini melibatkan empat pusat pengajian yang menyediakan khidmat talaqqi al-Quran bersanad yang meliputi 101 responden di kalangan guru dan pelajar. Manakala kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif yang mana soal selidik dijadikan sebagai instrumen utama. Seterusnya analisis deskriptif digunakan untuk mendapat nilai skor min, kekerapan, peratus, dan sisihan piawan. Data di analisis menggunakan perisian IBM SPSS statistics 20.0. Nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi kajian ini ialah $\alpha = 0.75$. Dapatan kajian secara keseluruhan terhadap kesedaran masyarakat terhadap pengajian talaqqi al-Quran bersanad menunjukkan tahap yang sangat tinggi ($\text{min}=4.74$). Dapatan kajian dipaparkan melalui jadual dan graf berserta huraian deskriptif. Implikasi kajian ialah pengajian talaqqi al-Quran bersanad harus diberi tumpuan di setiap sudut bagi mengharmonikan lagi pengajian al-Quran terutamanya dalam bidang talaqqi al-Quran bersanad.

Kata kunci

Dirayah, Mutawatirah, Talaqqi al-Quran, Sanad, Kesedaran,

Abstract

The study of sanad is often associated with knowledge of hadith, which includes riwayat and dirayah. Normally, the sanad study focuses on the knowledge of dirayah to identify the status of hadith narrated by the transmitters. In addition, the study of the Quran also includes a continuation of the genealogy of the sanad directly to the Prophet Muhammad. While there is known that one of the requirements to accept a recitation of Quran is through Mutawatir recitation only. However, sanad is still important in learning Quran. This study is a preliminary study to identify the community's awareness towards the talaqqi learning of Quran with sanad. The study involved four schools which provide the talaqqi learning of Quran with sanad, which covered 101 respondents among the teachers and students. While this study is a quantitative study in which questionnaires were used as the main instrument. The descriptive analysis was used to obtain the mean, frequency, percentage, and standard deviation. Data were then analyzed using IBM SPSS Statistics 20.0 software. The reliability coefficient Alpha

Cronbach value for this study was $\alpha = 0.75$. The overall findings on public awareness on the talaqqi learning of Quran with sanad showed that the level is very high (mean = 4.74). The results are displayed through tables and graphs with descriptive explanation. The implications of the study is that the study of the talaqqi learning of Quran with sanad should be focused on every angle to further harmonize the study of the Quran, especially in the talaqqi learning of Quran with sanad.

Keywords

Dirayah, Mutawatirah, Talaqqi al-Quran, Sanad, awareness

1.0 Pengenalan

Berdasarkan sejarah penurunan al-Quran di Gua Hira', Nabi Muhammad SAW mengikut bacaan Jibrail AS setelah beberapa kali memaklumkan kepada Jibrail as mengenai ketidakupayaan nabi Muhammad saw dalam memenuhi hajat Jibrail AS. Namun dengan panduan dan tunjuk ajar Jibrail AS, Nabi Muhammad SAW dapat membaca awal surah al-Alaq sehingga ayat 5. Maka proses permulaan talaqqi al-Quran boleh disandarkan berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku di Gua Hira'. (Sedik Ariffin:2009)

Selain itu terdapat beberapa dalil yang membuktikan bahawa pembelajaran al-Quran haruslah melalui kaedah talaqqi. Kebanyakan ulama dalam bidang Ulum al-Quran berpegang dalil-dalil al-Quran dan al-Hadis.

(لَا تُحْرِكْ بِهٖ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهٖ اِنْ عَلَيْنَا جَمْعَهٗ وَقُرْءَانَهٗ فَاِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهٗ)

Maksudnya: Janganlah engkau (Muhammad) menggerak-gerakkan lidahmu kerana hendak bersegera membaca dan menghafaznya (sebelum selesai Jibril membacanya). Sesungguhnya kamilah yang berkuasa mengumpulkan alQuran (ke dadamu) dan Kamilah yang menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah selesai membacanya maka ikutlah bacaannya".¹

Berdasarkan petikan ayat di atas, dapat dikategorikan kepada tiga bahagian yang utama. (Rawi, 1994) Allah SWT ingin mengajar Nabi Muhmaad SAW cara bertalaqqi wahyu. Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW telah mendahului bacaan Jibrail AS sebelum sempurna bacaan Jibrail AS. Seterusnya Allah mengarahkan Nabi Muhammad SAW supaya mendengar sepenuhnya bacaan tersebut dan Allah SWT akan menjaga dan menjelaskan ayat tersebut.

- i. Membacanya
- ii. Menjelaskan dan memperincikan makna ayat tersebut.

(وَقُرْءَانًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَىٰ مُكْتَبٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ۝ ١٠٦)

Maksudnya: "Dan al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan ia supaya engkau (Wahai Muhammad) membacakannya kepada manusia dengan lambat, tenang dan Kami menurunkannya beransur-ansur".²

¹ . Surah al-Qiyamah 75: 16-18.

² . Surah al-Isra' 17:106.

(وَإِنَّكَ لَنُتَقَى الْقُرْآنَ مِنْ لَدُنِّ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ٦)

Maksudnya: "Dan Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) diberikan menyambut dan menerima al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui."³

Nabi Muhammad SAW juga bertalaqqi bersama Jibrail AS semasa hayatnya dan menghidupkan bulan Ramadhan dengan bertalaqqi bersama Jibrail AS sehingga di akhir usia baginda. Tambahan pula, pada tahun terakhir hayat Nabi Muhammad SAW telah bertalaqqi bersama gurunya iaitu Jibrail AS sebanyak dua kali khatam pada bulan Ramadhan. Sekaligus dapat membuktikan bahawa kaedah pemindahan al-Quran adalah menerusi kaedah talaqqi. Hal ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah dan Fatimah RA katanya: kami mendengar Rasulullah saw bersabda:

"أن الجبريل كان يعارضني القرآن في كل سنة مرة ، وأنه عارضني العام مرتين، ولا أراه إلا حضر أجلي"

Maksudnya: "Jibrail membaca al-Quran kepadaku setiap tahun sekali dan sesungguhnya Jibrail membaca al-Quran kepadaku pada tahun ini sebanyak dua kali. Aku tidak melihatnya melainkan ajalku telah datang."

1. Perkembangan Pengajian Sanad al-Quran

Penerimaan al-Quran adalah bergantung kepada 3 syarat utama yang disepakati oleh para ulama Qurra' yang dijadikan sebagai asas dalam menentukan kedudukan al-Quran. Syarat tersebut perlu dipenuhi supaya bacaan oleh kesemua imam Qurra' tersebut tidak tergolong dalam bacaan yang ditolak dan diragui (Muhammad bin Muhammad al-Jazari). Pengajian Sanad al-Quran juga berkait-rapat dengan pengajian al-Riwayah al-Quran. Dalam konteks *al-Riwayah al-Quran* setiap Imam atau Qari mempunyai sanad yang bersambung ke Rasulullah SAW melalui kaedah *Talaqqi* dan *Musyafahah* bersama guru yang *mutqin* (Ikmal Zaidi, 2014). Oleh yang demikian, setiap rantaian sanad al-Quran akan melalui beberapa ulama Qurra' yang terkenal pada hayat mereka di setiap kurun sehingga bersambung terus dengan Imam Qurra' tujuh atau Imam Qurra' sepuluh.

Pada zaman Nabi Muhammad SAW, beberapa orang sahabat yang diiktiraf oleh Nabi SAW dalam bacaan al-Quran seperti yang terdapat dalam hadis yang dibincangkan di awal perbincangan. Kemudian diikuti zaman Sahabat RA dan Tabi'in dan zaman-zaman seterusnya. Maka terdapat beberapa orang ulama Qurra' mengumpulkan nama-nama Qurra' yang terkenal dalam bentuk penulisan. Antara ulama Quran yang mengumpulkan penulisan tersebut ialah Imam Ibn Jazari yang di beri nama sebagai *Ghayah al-Nihayah fi Thabaqat Qurra*, Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Zahabi yang diberi nama sebagai *Ma'rifat al-Qurra' al-Kibar Ala Thabaqat wa al-A'sar*, dan Ilyas bin Ahmad Husain bin Sulaiman al-Barmawi yang mempunyai dua penulisan yang berkaitan dengan sanad al-Quran iaitu *Imta' al-Fudhala' bi Tarajim al-Qurra' Fima BA'da Qururun al-Thamin al-Hijri* dan *Ghayah al-Musarah bi Ma'rifaat al-Asaanid al-Qurra' al-Muasirah fi Madinah al-Munawarah*.

2.0 Permasalahan Kajian

Pemesatan tumbuhnya pusat pengajian al-Quran dewasa ini membuktikan minat masyarakat terhadap pengajian al-Quran semakin memberangsangkan. Justeru, ruang untuk mendalami al-Quran bukan sekadar memahami kaedah bacaan al-Quran malah ada juga mendalami al-Quran secara formal iaitu secara talaqqi bersama guru dengan salasilah sanad terus ke Rasulullah saw. Namun, timbul beberapa permasalahan berkaitan kaedah pengajian al-Quran dan pengiktirafan al-Quran secara bersanad bagi mereka yang ingin menyambung atau meneruskan pengajian al-Quran secara talaqqi bersanad. Antara permasalahan yang diketengahkan ialah kaedah pemberian sanad al-Quran tanpa pengawasan yang sewajarnya. Lantaran itu, kajian ini merupakan tinjauan awal mengenai program talaqqi al-Quran bersanad terhadap pusat pengajian terpilih yang memperkenalkan pengajian al-Quran secara bersanad.

³ . Surah al-Naml 16:6

3.0 Objektif Kajian

Secara spesifiknya, kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- 3.1 Mengetahui tahap kesedaran masyarakat terhadap talaqqi al-Quran secara bersanad.
- 3.2 Persediaan awal sebelum pengajian talaqqi al-Quran secara bersanad.
- 3.3 Mengetahui kaedah penganugerahan dan penerimaan sanad al-Quran.

4.0 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam meneliti perkembangan minat dan kesedaran masyarakat terhadap pengajian al-Quran secara bersanad. Dalam memastikan minat dan perkembangan seiring dengan kaedah yang telah disepakati oleh para ulama' berkaitan sanad kerana ilmu sanad ini merupakan permulaan ilmu dalam Islam dan pegangan dalam menentukan hukum Islamiyyah (Rihab rafaat fauzi; 2009;15). Muhammad bin Aslam at-Thusiyyi berpendapat bahawa sanad yang dekat menggambarkan dekat kepada Allah swt (Hasan Mustafa; 2009; 14). Justeru pemantauan terhadap pengijazahan sanad perlu bagi memastikan kesucian atau salasilah sanad tidak disalah guna di kalangan pemegang sanad.

5.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang mana soal selidik dijadikan sebagai satu instrumen kajian. Kajian ini juga berbentuk kajian deskriptif untuk mengetahui persepsi respon terhadap pengajian al-Quran secara bersanad. Menurut Alias Baba (1996) kajian deskriptif amat sesuai bagi menghuraikan data yang diperolehi daripada sampel kajian. Pengiraan frekuensi, ukuran kecenderungan tengah (min, mod, medium) dan ukuran kebolehubahan (julat, varians, sisihan pawai) bersertakan dengan graf, carta, dan jadual diaplikasikan di dalam kajian deskriptif supaya mudah difahami (Chua Yan Piaw; 2005). Kaedah deskriptif adalah bertujuan untuk mengetahui persepsi responden dan menjadi satu panduan dalam kajian (Julie Pallant; 2001).

Manakala populasi kajian merangkumi guru dan pelajar di pusat pengajian al-Quran yang mengamalkan talaqqi al-Quran secara bersanad. Setelah mengetahui lokasi kajian, pengkaji menggunakan pengsempelan secara rawak mudah. Kaedah pengsempelan secara rawak adalah mudah bagi memastikan setiap unit dan sampel kajian mempunyai peluang yang sama sebagai responden kajian (Chua Yan Piaw; 2011). Oleh yang demikian, seramai 101 responden di kalangan guru dan pelajar dapat mereka dapat memberi kerjasama untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Di samping itu, lokasi kajian juga ditentukan di empat pusat pengajian al-Quran yang menyediakan khidmat talaqqi al-Quran secara bersanad iaitu:

- 5.1 Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra beralamat di KM 12, Jalan Kuala Krai, Nilam Puri 15730 Kota Bharu, Kelantan.
- 5.2 Pusat Pengajian Al-Quran dan Qiran QQ Gemilang beralamat di B-05-1, Plaza Paragon Point, Jalan Medan PB 5, Seksyen 9 43650 Bandar Baru Bangi Selangor.
- 5.3 Pusat Pengajian Al-Mufid bertempat di Lot 313 B Pengadang Baru, Jalan Kuala Berang, 20050 Kuala Terengganu Terengganu.
- 5.4 Aini Hafeeza Enterprise beralamat di Bandar Baru Bangi, Selangor.

Bagi mencapai matlamat kajian, pengkaji telah menentukan masa yang sesuai untuk memastikan semua responden dapat memberi kerjasama yang baik. Beberapa langkah utama telah diambil bagi memastikan kajian berjalan dengan lancar antaranya mendapat keizinan di setiap pusat pengajian al-Quran bersanad dan memastikan kesesuaian setiap responden supaya dapat memberi kerjasama yang baik. Soalan soal selidik diedarkan pada sesi pengajian dijalankan. Menganalisis data merupakan salah satu daripada proses metodologi kajian. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 20 sebagai salah satu instrumen kajian.

Instrumen soal berkaitan persepsi masyarakat terhadap pengajian al-Quran secara talaqqi bersanad terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A meliputi demografi responden manakala Bahagian B merangkumi soalan yang berkaitan dengan talaqqi al-Quran dan ijazah sanad al-Quran. Soal selidik yang direka berdasarkan skala likert lima mata iaitu bermula daripada sangat tidak setuju (STS) sehingga sangat setuju (SS). Setelah membuat ujian kesahan dan kebolehpercayaan, beberapa item perlu dibuang untuk mencapai nilai pekali *alpha cronbach* yang melebihi 0.70. Nilai pekali *alpha cronbach* ini dikira nilai yang boleh diterima (Julie Pallant; 2001). Oleh yang demikian, soal selidik ini hanya mempunyai 6 item yang mana nilai pekali *alpha cronbach* kesahan kandungan dan kebolehpercayaan adalah 0.75 seperti yang terdapat di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Nilai Pekali Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrument Soal Selidik

Pemboleh Ubah	Nilai pekali <i>Alpha Cronbach</i>
Pengajian al-Quran secara talaqqi bersanad	0.755

Kategori Responden

Selain itu, penelitian dan analisis terhadap nilai skor min bagi setiap item soal selidik juga dijalankan bagi menentu tahap interpretasi skor min. Menurut M. Tschannen –Moran dan Gareis (2004), interpretasi skor min dibahagikan kepada lima skala, iaitu sangat rendah (1.00 hingga 1.80); rendah (1.81 hingga 2.60); sederhana (2.61 hingga 3.40); tinggi (3.41 hingga 4.20); dan sangat tinggi (4.21 hingga 5.00) seperti mana yang terdapat pada jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Interpretasi Nilai Skor Min

Skor Min	Nilai Skor Min
1.00 hingga 1.80	Sangat Rendah
1.81 hingga 2.60	Rendah
2.61 hingga 3.40	Sederhana
3.41 hingga 4.20	Tinggi
4.21 hingga 5.00	Sangat Tinggi

6.0 Analisis Data Frekuensi Demografi Responden

Analisis deskriptif digunakan untuk mengenalpasti demografi variable (demographical variable). Hal ini dapat membantu pengkaji dalam menganalpasti frekuensi, peratusan, min, sisihan piawaian dan taburan skor responden dalam setiap responden (Julie Pallant; 2001). Disamping menanalisis data dengan cara yang senang difahami (Alias Baba; 2007). Sebagai contoh, frekuensi jantina, frekuensi umur, frekuensi tahap pendidikan, dan sebagainya.


Responden kajian terdiri daripada peserta di kalangan guru dan pelajar daripada pelbagai latar belakang samada profil dan akedemik yang mana merangkumi 101 responden di empat pusat pengajian yang menyediakan pengajian talaqqi al-Quran secara bersanad. Kebiasaannya demografi kajian diletakkan di bahagian A soal selidik supaya dapat memberi keselesaan kepada responden dalam menjawab soal selidik dengan memulakan soalan yang berbentuk tertutup (*close ended*). Keputusan demografi variable adalah seperti di bawah:

JADUAL 3: Frekuensi Mengikut Kategori Responden N= 101

	Frekuensi	Peratus
GURU	19	18.8
PELAJAR	82	81.2
Total	101	100.0

Jadual 3 menunjukkan bahawa frekuensi responden yang mana N=101. Berdasarkan kepada jadual 3, responden guru seramai 19 responden (18.8%) manakala responden pelajar

seramai 82 (81.2 %). Ini membuktikan bahawa responden dikalangan pelajar lebih ramai berbanding responden dikalangan guru.




Carta Pai 1

Lanjutan daripada jadual 3, Carta Pai1 menggambarkan bahawa kajian ini didominasi oleh responden di kalangan pelajar iaitu melebihi 80% daripada jumlah responden kajian. Manakala selebihnya adalah di kalangan guru.

JADUAL 4: Frekuensi Mengikut Pusat Pengajian N= 101

PUSAT PENGAJIAN		
	Frekuensi	Peratus
KIAS	28	27.7
PPQQ GEMILANG	30	29.7
PP AL-MUFID	35	34.7
PP AINIHAFAEEZ ENTERPRISE	8	7.9
Total	101	100.0

Jadual 4 menunjukkan bahawa frekuensi responden berdasarkan pusat pengajian yang mana N=101. Frekuensi bagi pusat pengajian respondent yang paling tinggi adalah Pusat Pengajian Al-Mufid (PP Al-Mufid) iaitu seramai 35 (34.7%) responden diikuti dengan frekuensi responden Pusat Pengajian Quran Qiraat Gemilang (PPQQ Gemilang) seramai 30 orang (29.7%). Seterusnya frekuensi responden bagi Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) adalah seramai 28 orang (27.7%). Manakala responden yang paling rendah adalah responden di kalangan Pusat Pengajian Aini Hafeez Enterprise iaitu seramai 8 orang (7.9%). Hal ini menunjukkan bahawa responden di kalangan Pusat Pengajian Al-Mufid (PP Al-Mufid) mendominasi berbanding responden yang lain.




Carta Pai 2

Rentetan daripada jadual 4 di atas, Carta Pai 2 menggambarkan bahawa pusat pengajian al-Quran yang mengambil bahagian dan dapat memberi kerjasama dalam kajian ini dipolapori oleh Pusat Pengajian al-Mufid dan diikuti oleh Pusat Pengajian Quran Qiraat Gemilang. Seterusnya Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Pusat Pengajian Aini Hafeez Enterprise.

JADUAL 5: Frekuensi Mengikut Jantina N= 101

JANTINA		
	Frekuensi	Peratus
LELAKI	34	33.7
PEREMPUAN	67	66.3
Total	101	100.0

Jadual 5 menunjukkan bahawa frekuensi jantina di kalangan responden yang mana N=101. Berdasarkan jadual 5, responden dikalangan perempuan mengatasi responden lelaki iaitu seramai 67 orang (66.3%). Manakala responden lelaki adalah seramai 34 (33.7%) . Hal ini membuktikan bahawa responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki.




Carta Pai 3

Lanjutan daripada jadual 5 di atas, Carta Pai 3 menggambarkan bahawa responden di kalangan perempuan adalah lebih tinggi berbanding responden lelaki iaitu 66.3%.

JADUAL 6: Frekuensi Mengikut Umur N= 101

UMUR		
	Frekuensi	Peratus
18-40	28	27.7
41-60	47	46.5
LEBIH 60	26	25.7
Total	101	100.0

Jadual 6 menunjukkan bahawa frekuensi responden berdasarkan umur N=101. Frekuensi umur responden yang paling tinggi ialah di antara 41 tahun hingga 60 tahun iaitu seramai 47 orang (46.5%) responden. Disusuli dengan frekuensi responden yang berumur di antara 18 tahun hingga 40 tahun iaitu seramai 28 orang (27.7%) responden. Seterusnya frekuensi responden yang melebihi 60 tahun adalah seramai 26 orang (25.7%) responden. Hal ini membuktikan responden bagi kajian ini adalah didominasi di kalangan responden yang berumur di antara 41 tahun hingga 60 tahun.




Carta Pai 4

Berdasarkan jadual 6 di atas, Carta Pai 4 menggambarkan bilangan responden yang berumur lingkungan 41-60 tahun mengatasi responden yang berumur lingkungan 18- 40 tahun dan seterusnya diikuti oleh responden yang berumur lingkungan 60 tahun dan ke atas.

JADUAL 7: Frekuensi Mengikut Tahap Akademik N= 101

TAHAP AKADEMIK		
	Frekuensi	Peratus
SPM dan Ke Bawah	21	20.8
STPM dan DIPLOMA	20	29.7
IJAZAH SARJANA MUDA dan Ke Atas	30	49.5
Total	101	100.0

Jadual 7 menunjukkan bahawa frekuensi tahap akademik yang mana N=101. Berdasarkan jadual 7, tahap akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah paling tinggi iaitu seramai 30 responden (49.5%) diikuti dengan responden yang memiliki Sijil Pengajian Malaysia (SPM) dan ke bawah seramai 21 (20.8%). Seterusnya responden yang memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Diploma seramai 20 orang (29.7%) dianggap sebagai yang terendah di kalangan responden. Hal ini dapat digambarkan di dalam pie chart 5 di bawah.



Carta Pai 5

Lanjutan daripada jadual 7 di atas, Carta Pai 5 dapat memberi gambaran mengenai tahap akademik di kalangan responden kajian. Berdasarkan pie chart 5 di atas, responden yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dan ke atas adalah yang paling ramai. Seterusnya diikuti oleh responden yang memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan diploma. Manakala respondent yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke bawah adalah yang paling rendah. Ini membuktikan bahawa pengajian talaqqi al-Quran secara bersanad mendapat sambutan yang hebat di kalangan masyarakat meskipun mempunyai latar belakang akademik yang berbeza.

7.0 Tahap Kesedaran Masyarakat Terhadap Pengajian Talaqqi al-Quran Secara Bersanad

Bagi memastikan tahap kesedaran masyarakat terhadap talaqqi al-Quran secara bersanad, penelitian terhadap nilai interperasi skor min dapat dijadikan sebagai satu panduan dalam menentukan samada tahap kesedaran masyarakat berada di tahap yang tinggi atau sebaliknya. Hasil dariapda penelitian dan analisis, dapatlah disimpulkan seperti yang terdapat pada jadual 8 N=101 di bawah;

Jadual 8: Tahap Kesedaran Masyarakat Terhadap Pengajian Talaqqi al-Quran Secara Bersanad

No.	Item	Min	Sisipan piawasan	N
1.	Talaqqi al-Quran bersanad penting dalam pengajian al-Quran.	4.74	0.66	101
2.	Talaqqi al-Quran bersanad boleh dipelajari oleh semua lapisan masyarakat.	4.23	0.87	101

Berdasarkan jadual 8 di atas, nilai min bagi item Talaqqi al-Quran bersanad penting dalam pengajian al-Quran dan Talaqqi al-Quran bersanad boleh dipelajari oleh semua lapisan masyarakat dikategorikan sebagai tahap sangat tinggi yang mana kedua-duanya mempunyai nilai min (min=4.74; s.p= 0.66) dan (min=4.23; s.p=0.87). Hal ini membuktikan tahap kesedaran masyarakat dalam mempelajari al-Quran secara bersanad amat menggalakkan.

8.0 Persediaan Awal Sebelum Pengajian Talaqqi al-Quran Secara Bersanad

Sebelum mengikuti pengajian al-Quran, peserta harus memiliki persediaan awal sama ada dari segi mental mahupun fizikal. Persediaan awal terhadap sumber kewangan amat penting dalam proses pengajian. Hal ini kerana terdapat sesetengah pusat pengajian mengenakan sedikit bayaran bagi melancarkan proses pengajian talaqqi al-Quran secara bersanad. Selain itu, persediaan awal terhadap kualiti bacaan perlu diperhalusi sebelum proses pengajian al-Quran secara bersanad diteruskan. Oleh yang demikian, hasil analisis terhadap persediaan awal sebelum pengajian talaqqi al-Quran secara bersanad adalah seperti yang terdapat pada jadual 9 N=101 di bawah.

Jadual 9: Persediaan Sebelum Pengajian Talaqqi al-Quran Secara Bersanad

No.	Item	Min	Sisipan piawasan	N
1.	Peserta program talaqqi al-Quran bersanad boleh dikenakan bayaran.	4.19	0.66	101
2.	Peserta perlu mengikuti kelas pengukuhan bacaan sebelum menyertai program talaqqi al-Quran bersanad.	4.30	0.85	101

Berdasarkan kepada jadual 9 di atas, interpertasi skor min bagi item Peserta program talaqqi al-Quran bersanad boleh dikenakan bayaran ialah (min=4.19; s.p=0.66) boleh dikategorikan sebagai nilai yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa persediaan terhadap kewangan adalah perlu supaya tiada sebarang gangguan semasa sesi pembelajaran. Manakala nilai interpertasi skor min bagi item Peserta perlu mengikuti kelas pengukuhan bacaan sebelum menyertai program talaqqi al-Quran bersanad ialah (min=4.30; s.p=0.85) boleh dikategorikan sebagai nilai yang sangat tinggi. Oleh yang demikian, seseorang haruslah mengikuti kelas pengukuhan bacaan al-Quran sebelum memulakan bacaan al-Quran secara bersanad. Kaedah ini menunjukkan salah satu langkah pengawasan terhadap proses pengijazahan sanad al-Quran yang mana ijazah sanad al-Quran tidak akan diberikan kecuali kepada mereka yang mempunyai bacaan al-Quran yang baik dan sempurna. Ini menunjukkan kesinambungan kepada kaedah penganugerahan sanad al-Quran.

9.0 Kaedah Penganugerahan Sanad al-Quran

Seterusnya, analisis data terhadap kaedah penganugerahan sanad al-Quran juga melibatkan dua item iaitu Talaqqi al-Quran bersanad perlu dilaksanakan secara khatam 30 juzuk dan Sanad boleh dianugerahkan kepada peserta yang baik bacaannya. Analisis data interpetasi skor min bagi item tersebut yang mana N=101 seperti di jadual 10 di bawah:

Jadual 10: Kaedah Penganugerahan Sanad al-Quran N=101

No.	Item	Min	Sisipan piawasan	N
1.	Talaqqi al-Quran bersanad perlu dilaksanakan secara khatam 30 juzuk.	4.67	0.69	101
2.	Sanad boleh dianugerahkan kepada peserta yang baik bacaannya.	3.89	1.21	101

Berdasarkan jadual 10 di atas, item Talaqqi al-Quran bersanad perlu dilaksanakan secara khatam 30 juzuk mempunyai nilai interpetasi skor min (min=4.67; s.p=0.69) dikategorikan sebagai nilai yang sangat tinggi. Manakala item Sanad boleh dianugerahkan kepada peserta yang baik bacaannya dikategorikan sebagai tinggi dengan nilai interpetasi skor min (min=3.89; s.p=1.21). Hal ini dapat membuktikan bahawa pengawalan yang rapi terhadap kaedah penganugerahan sanad al-Quran melalui penelitian bacaan dan kesempurnaan bacaan.

Secara keseluruhannya, interpetasi skor min bagi setiap item mencapai nilai yang tinggi dan sangat tinggi di antara 3.41 hingga 5.00. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tinjauan awal terhadap pengajian al-Quran secara talaqqi bersanad di kalangan masyarakat mempunyai persepsi yang baik terhadap program talaqqi al-Quran secara bersanad. Ini menunjukkan kematangan masyarakat dan membantu perkembangan ilmu al-Quran sehingga menjadi sesuatu yang tidak asing di kalangan masyarakat. Sokongan padu yang diberikan oleh masyarakat setempat menyebabkan percambahan pusat pengajian al-Quran terutamanya berasaskan talaqqi al-Quran secara bersanad.

10.0 Rumusan dan Cadangan Kajian

Kesimpulannya, kepentingan sanad sudah menjadi satu kebiasaan dalam pengajian hadis berkaitan dengan susur jalur hadis bagi tujuan menentukan kedudukan hadis samada berstatus sahih atau dhaif. Sanad juga merupakan satu ilmu yang dinamakan sebagai ilmu *al-dirayah*. Manakala pembahagian sanad terbahagi kepada dua keadaan iaitu sanad *al-'āliyy* memberi makna terdapat bilangan *rawi* atau pembawa sanad yang sedikit terus bersambung kepada Nabi Muhamamd SAW. Sanad *al-naāzil* merupakan pembahagian kedua dalam ilmu sanad yang bermaksud terdapat bilangan *rawi* atau pembawa sanad yang ramai di setiap peringkat sanad dan terus bersambung kepada Nabi Muhamamd saw (Rihab rafaat fauzi; 2009).

Selain itu, ilmu sanad juga merupakan satu ilmu yang diberi khusus kepada umat Nabi Muhammad SAW dan tidak diberikan kepada umat Nabi yang sebelumnya (Hasan Ahmad; 2009: 14). Justeru, kepentingan sanad juga mendapat perhatian yang serius di dalam bidang ilmu qiraat. Cuma terdapat sedikit perbezaan di anatara kaedah penganugerahan sanad al-Hadis dengan al-Quran.

Dewasa ini, kepentingan sanad al-Quran telah dapat tempat di kalangan masyarakat untuk mempelajari al-Quran secara bersanad meskipun mengikut satu wajah qiraat iaitu wajah qiraat *Hafs* daripada imam 'Āsim. Namun demikian pengawalan terhadap penganugerahan sanad perlu bagi mengelak daripada berlaku kecacatan dalam sanad al-Quran. Antara langkah yang perlu diberi perhatian ialah:

- 10.1 Pengajian talaqqi al-Quran bersanad dilakukan dengan cara talaqqi musyafahah iaitu pelajar membaca di hadapan guru.
- 10.2 Menjadi satu kewajipan pelajar untuk mengenali dan memahami salasilah sanad yang diterima.
- 10.3 Sanad yang disampaikan kepada orang lain adalah mengikut kaedah yang sama semasa penganugerahan sanad.
- 10.4 Nasihat dan pesanan guru adalah amanah yang disampaikan oleh guru kepada murid. Oleh yang demikian, haruslah bertanggungjawab terhadap apa yang diamanahkan.

11.0 Rujukan

- al-Bukhari, M. b. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Tauq al-Najah.
- al-Dausari, I. b. (2008). *Muhktasar al-'Ibarat Li Mu'jam Mustalahat al-Qiraat*. Riyadh: Dar al-Hadharah.
- al-Majidi, A. a.-S.-M. (2000). *Talaqqi al-Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Qattan, Mana' al-Qattan. (2007). *Mabahith fi Ulum al-Quran*.
Abdul Baki bin Abdul Rahman, Ibrahim bin Said. *Qawaid Nakdi al-Qiraat al-Quraniah*. Universiti al-Imam Muhammad bin Saud.
- Alias baba. (2007). *Stastistik penyelidikan dalam pendidikan dan social sains*. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua Yan Piaw. (2005). *Asas Statistik Penyelidikan*. Buku 2. Malaysia; McGraw Hill Education.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku 1. Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua. Malaysia; McGraw Hill Education.
- Dzulkifli, I. b., & Abdul Ghani, A. (2011). Keperluan Bertalaqqi dan Bermusyafahah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu al-Quran: Satu Tuntutan. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan 2011* (p. 15). Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Hasan Mustafa. (2009). *Tuhfatu al-Ikhwan Bi Ma 'Ala Min Asaanid Qurra' Haza Zaman*. Muassasat Qurṭhubah. 15-30.
- Harun, S. I. (2011). Perkembangan Ilmu Qiraat di Malaysia dan Keperluannya di Institusi Pengajian Tinggi. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan 2011* (p. 23). Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Julie Pallant. (2001). *SPSS Survival Manual a Step by Step guide to Data Analys Using SPSS for Windows (version 10)*. Open University Press: Buckingham.
- Noornajihan Jaafar. (2015). *Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia*. 'Ulūm Islamiyyah Journal.
- Rihab rafaat fauzi. (2009). *Asoh al-Asaānid*. Dar al-Wafa'. 5-25.
- Sedek Ariffin. 2009. *Kepentingan Talaqqi dan Musyafahah Dalam Pembacaan al-Quran*. Jurnal Darul Quran. Vol: 13. Kuala Kubu Baru.
- Tschannen –Moran, M., & Gareis. (2004). *Principal' sense of efficacy: Assesing a promising construt*. Journal of Educational Administration, 42(5), 573-585.
- Ikmal Zaidi, H. (2014). Kepentingan Ilmu Tawjih al-Qiraat dalam Pengajian Qiraat di Malaysia. In S. N. Bidin, *Isu-isu Temperari dalam Quran: Qiraat* (pp. 29-39). Terengganu: UNIZA.
- Muhammad bin Muhammad al-Jazari. (n.d.). *Al-Taisir fi Qiraat Sab'ah*. Beirut: Lubnan: Dar Kitab al-Ilmi.